

22/04/1997

Sultan tidak berkenan (HL)

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelantikan Menteri Besar baru Selangor yang dijangka diumumkan hari ini, tidak menjadi kenyataan kerana belum mendapat perkenan sultan.

Memberitahu pemberita selepas dikunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, Sultan Selangor berkata, beliau tidak bersetuju dengan senarai calon menteri besar yang dikemukakan oleh Perdana Menteri.

"Semua nama yang dikemukakan kepada saya, saya tidak berapa berkenan.

"Dr Mahathir kata, kalau mengikut Perlembagaan, (urusan pelantikan itu) boleh ditangguhkan sehingga saya berkenan betul," katanya.

Sambil meminta senarai calon lain yang lebih sesuai, beliau berkata calon pengganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletak jawatan menteri besar Isnin lalu itu, perlu diselidik dan ditapis bagi memastikan mereka benar-benar bersih.

"Senarai yang diserahkan itu perlu diselidik satu persatu supaya benar-benar bersih daripada rasuah.

"Jangan pisang berbuah dua kali. Mesti pilih betul-betul," katanya.

Ditanya apakah syarat seorang menteri besar yang beliau berkenan, Sultan Selangor berkata:

"Saya mahu orang berpengalaman, bukan anak-anak, berusia lebih 40 tahun, jujur dan bersih.

"Ini (khidmat) untuk rakyat dan satu lagi, jangan membazir.

"Yang penting calon itu perlu bersih dan kena periksa satu persatu," katanya tetapi enggan mengulas senarai calon yang dikemukakan itu.

"Nama itu rahsia. Saya tak boleh cakap sama ada senarai nama itu panjang atau pendek," kata Sultan Selangor yang akan bercuti di London mulai 3 Mei hingga 28 Mei ini.

Sultan Selangor berkata, Perdana Menteri boleh menghubunginya di luar negara jika tidak mahu menunggu sehingga beliau pulang ke tanah air bagi memberi perkenan kepada calon menteri besar nanti.

"Bagaimanapun, tunggu sahajalah dua minggu lagi.

"Kalau nak lekas juga, boleh berunding dengan saya di hotel di London atau menghantar penasihat undang-undang," katanya.

Beliau bagaimanapun menaruh kepercayaan penuh kepada Dr Mahathir untuk memilih calon menteri besar yang layak tanpa terburu-buru.

Sebelum itu, Dr Mahathir memberitahu pemberita, beliau tidak perlu terburu-buru untuk membuat keputusan melantik menteri besar yang baru.

Menurut Perdana Menteri, beliau perlu mengkaji dan mendapatkan maklumat lebih terperinci sebelum melantik mana-mana calon yang difikirkan sesuai untuk memegang jawatan itu.

"Saya perlukan sedikit masa lagi," katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama 45 minit dengan Sultan Selangor di Istana Selangor, di sini petang ini.

"Tidak ada masalah. Saya tidak perlu terburu-buru. Saya maklum kepada Tuanku saya akan mengambil masa sedikit sebelum buat keputusan...itu sahaja, tak ada hal lain," kata Perdana Menteri.

Sebelum menemui Sultan Selangor, Dr Mahathir dikunjungi ahli Exco kerajaan negeri Selangor di Jabatan Perdana Menteri.

Ditanya berapa ramai calon yang dimasukkan dalam senarainya untuk mengisi jawatan itu, Perdana Menteri berkata: "Tidak, saya tidak ada menyenaraikan apa-apa."

Mengenai pertemuan dengan Exco, Dr Mahathir berkata mereka memberi

mandat penuh kepadanya untuk membuat pilihan dan akan meneruskan tugas seperti biasa.

Perdana Menteri juga tidak memberikan sebarang tempoh waktu untuk memilih calon menteri besar yang "boleh diterima oleh semua."

Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai calon pilihannya berikutan spekulasi oleh akhbar, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu mengenai sesiapa yang diramalkan dalam akhbar. Saya tidak baca akhbar itu."

Menurut Perdana Menteri, sehingga beliau membuat keputusan, Sultan Selangor akan berangkat ke luar negara dan jika perlu, beliau akan menghubunginya.

"Jika ada apa-apa saya akan maklumkan kepada Tuanku atau saya tunggu sahaja Tuanku balik," katanya.

(END)